

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

YKA/YKT 101 – PENGANTAR KOMUNIKASI MANUSIA

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **Soalan No. 1** yang diwajibkan dan **DUA** soalan lain.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. (a) Huraikan model kecekapan komunikasi seperti yang dibincangkan oleh Morreale, Spitzberg dan Barge (2000) dengan menyertakan contoh daripada episod-spisod komunikasi yang telah anda alami.
(b) "Komunikasi tanpa lisan adalah lebih kabur daripada komunikasi lisan."
Bincangkan kenyataan di atas dengan merujuk contoh daripada pengalaman anda.
(c) "Mendengar dan mencerap adalah perkara yang sama."
Nilaikan kenyataan di atas dengan menyatakan hujah menyokong atau menafikannya.
(d) Bincangkan perbezaan teori personaliti tersirat dan teori attribution dalam konteks hubungkaitnya dengan konsep tanggapan.
2. Komunikasi interpersonal adalah satu proses yang kompleks dan mengandungi beberapa elemen yang dikenalpasti sebagai asas kepada bentuk komunikasi ini. Bincang dan huraikan setiap elemen dengan memberi contoh.

- 2 -

3. Kecekapan komunikasi interpersonal dapat mengekalkan perhubungan di tahap yang dikehendaki. Dengan mengambilkira tiga keperluan asas kecekapan komunikasi interpersonal iaitu motivasi, kemahiran dan pengetahuan, jelaskan bagaimana ketiga-tiga aspek itu saling membantu.
4. Bincangkan sebab-sebab seseorang menyertai kumpulan kecil dan huraikan cabaran-cabaran yang sering dihadapi dalam kumpulan sedemikian dengan memberi contoh.

- ooo O ooo -